

KUALITI

Edisi Januari – Jun 2025

Kebersamaan dalam Pemerkasaan
Peranan Unit Kualiti

MeQKU 2025

Pengurusan Kualiti

*Taklimat Pelaksanaan Audit
Dalam PTj bersama Ketua
Sistem Audit (KSA)*

Inovasi dan Pengembangan Ilmu

*Kursus Pakar Rujuk Kumpulan
Inovatif dan Kreatif (KIK) Tahun 2025*



WEBINAR
ANUGERAH KUALITI
NAIB CANSOLOR (AKNC)

ENTERPRISE QUALITY MANAGEMENT (EQU) 2024

2024

2024

2024

2024

2024

2024

2024

2024

2024

2024

2024

2024

2024

2024

2024

2024

2024

2024

2024

2024

2024

2024

2024

2024

2024

2024

2024

2024

eISSN 2976-2596



9 772976 259003

WEBINAR ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR (AKNC)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA
KRITERIA 6: TUMPUAN KEPADA OPERASI



Penceramah Kriteria 5:
Ts. Siti Fatahiyah Mahamood
(Pakar Rujuk AKNC)



Penceramah Kriteria 6:
Dr. Shatina Saad
(Pakar Rujuk AKNC)

 **23 April 2025 (Rabu)**

 **9:30 pagi**

 **Microsoft Teams**

Anjuran:
Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi (PKIKO),
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)

 **UITM** 
<https://inqka.uitm.edu.my>  @inqka  @inqka.uitm  @inqka.uitm  InQKA UITM  @inqka.uitm6101  @inqka_uitm

Disediakan oleh: Noor Azwani Asyikin Samad

Pada 23 April 2025, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) berjaya menganjurkan Webinar Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) 2025 yang memberi tumpuan utama kepada Kriteria 5: Tumpuan kepada Sumber Manusia.

Diadakan secara dalam talian melalui platform Microsoft Teams, webinar ini menarik sambutan hangat daripada 138 peserta daripada seluruh warga UiTM yang berkomitmen untuk menambah ilmu dan kefahaman mereka tentang penulisan laporan AKNC yang berkualiti.

Webinar ini dimoderatorkan oleh Puan Norina binti Ahmad Jamil, Koordinator Kecemerlangan Operasi dan Inovasi, InQKA, yang memastikan sesi berjalan lancar dan tersusun.

Sesi utama yang dikendalikan oleh Pakar Rujuk AKNC, Ts. Siti Fatahiyah binti Mahamood, Ketua

Unit Kualiti di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), ini memberi penerangan terperinci tentang pentingnya pengurusan sumber manusia yang efektif dalam mencapai keunggulan organisasi.

Nadi kejayaan organisasi

Dalam taklimatnya, Ts. Siti Fatahiyah menegaskan bahawa pengurusan sumber manusia yang efektif merupakan nadi kepada kejayaan sesebuah organisasi, terutamanya dalam usaha mencapai bidang tumpuan yang strategik.

Kriteria 5 dalam penilaian institusi menegaskan pentingnya pendekatan yang holistik dan berstruktur dalam merancang, melaksanakan, memantau, dan memperbaiki pengurusan sumber manusia.

Salah satu aspek utama adalah pendekatan yang menggunakan metodologi ADLI (*Approach,*


Deployment, Learning, and Integration). Pengurusan harus mampu menyusun pendekatan strategik yang jelas, melaksanakan pelan tindakan secara berkesan, sentiasa belajar dari pengalaman, serta mengintegrasikan pelbagai aspek dalam organisasi agar mencapai keberhasilan secara berterusan.

Penghargaan

Selain itu, penekanan terhadap aspek penghargaan dan pengiktirafan kepada tenaga kerja sangat penting.

Penghargaan telah meningkatkan semangat dan produktiviti staf, tetapi juga memperkukuhkan budaya organisasi yang positif.

Kaedah perancangan sumber manusia yang sistematik dan berstruktur turut menyokong pencapaian visi dan misi organisasi.



Komponen lain yang tidak boleh diketepikan termasuk pemantauan berterusan terhadap sistem kerja dan sumber manusia, serta tindakan penambahbaikan yang berasaskan maklum balas. Melalui proses ini, organisasi dapat memastikan bahawa persekitaran kerja kekal kondusif, dan risiko dapat diminimumkan.

Selain itu, penulisan laporan yang efektif perlu mengutamakan elemen-elemen utama seperti *What, Why, Who, When, dan How* untuk memberi gambaran yang lengkap dan tersusun.

Elemen ADLI

Kepentingan elemen ADLI harus digabung dengan pendekatan PDCA (*Plan, Do, Check, Act*) agar penilaian lebih objektif dan berkesan.

Kriteria 5 tidak hanya sekadar pencapaian standard, tetapi sebagai panduan strategik dalam memastikan pengurusan sumber manusia menyumbang secara efektif kepada keberhasilan organisasi. Dengan pendekatan yang sistematik dan berorientasikan hasil, institusi bukan sahaja memenuhi keperluan dan harapan pelanggan dan kakitangan, malah mampu bersaing di arus perubahan masa hadapan.

Inovasi dalam pengurusan sumber manusia ini diharapkan dapat menjadi panduan utama kepada semua pihak yang ingin mencapai kecemerlangan dan keunggulan berterusan dalam organisasi masing-masing.

KUALITI

Edisi Januari – Jun 2025

HAK CIPTA DAN PENAFIAN

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Segala informasi adalah benar dan tepat semasa penerbitan. Tiada organisasi atau mana-mana pihak boleh menyalin atau menghasilkan semula kandungan dalam majalah atau mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tanpa kebenaran bertulis daripada panel editor dan pengarang.

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

Alamat:

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),
Aras 5, Kompleks Al-Farabi, Universiti Teknologi MARA (UiTM),
40450, Shah Alam, Selangor



لوسيا. قنوى. موليا



<https://inqka.uitm.edu.my>



@inqka



@inqkautm



@InQKAUITM



InQKA UITM



@inqkautm6101



@inqka_uitm

eISSN 2976-2596



9 772 976 259 003